

MODUL CEMERLANG AMANJAYA GEMILANG SPM NEGERI PERAK

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2017

PENDIDIKAN SENI VISUAL

SENI HALUS

2611/2

Kertas 2

3 jam

-
1. Kertas soalan ini mengandungi **enam** soalan.
 2. Jawab **satu** soalan sahaja.
 3. Kertas soalan ini diberikan kepada calon seminggu sebelum tarikh peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Arahan kepada calon.

- a. Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tuliskan dengan terang **No. Kad Pengenalan , Nama, Tingkatan, Kod Mata Pelajaran, No. Soalan dan Ruang markah** mengikut susunan yang ditetapkan disudut kanan sebelah atas,ruang belakang lukisan anda (Lihat gambar rajah di bawah)

Sudut Kanan Sebelah Atas Belakang kertas Lukisan

5 CM	NO. KAD PENGENALAN : NAMA : TINGKATAN : KOD MATA PELAJARAN : NO. SOALAN : MARKAH :
------	---

8 CM

- b. Hasil kerja anda hendaklah asli.
- c. Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi kertas lukisan itu kecuali ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.
- d. Anda tidak dibenarkan membawa masuk sebarang lakaran ke dalam bilik peperiksaan.
- e. Anda tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.
- f. Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.
- g. Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar kecuali teknik semburan atau “assemblaj”. Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.
- h. Hasil kerja anda itu hendaklah dalam bentuk 2D sahaja.

Jawab satu soalan sahaja.

1. Berhampiran tunggul mati dipinggir hutan terdapat seekor ibu ayam sedang mencari makan bersama- sama anaknya. Penekanan dari segi bentuk, jalinan, ruang dan aksi.
2. Seorang penebang pokok sedang bertungkus lumus menebang sebatang pokok yang besar di dalam hutan. Gambarkan situasi ini dalam jarak yang dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan, ruang dan warna.
3. Beberapa buah kraf tangan melayu tradisional disusun diatas tikar mengkuang. Anda dikehendaki menggambarkan dari satu sudut pandangan yang menarik. Gambarkan dari jarak dekat. Beri penekanan terhadap cahaya, bentuk dan jalinan.
4. Di dalam mimpi, anda bersama rakan sedang memanjatkan kasut gergasi menggunakan tali kasutnya yang terjuntai dari atas meja yang berlaci. Di dalam laci tersebut, terdapat tiga batang pensil dan pemadam di sebelah kasut tersebut. Gambarkan suasana tersebut, dengan memberi penekanan dari segi komposisi, bentuk dan jalinan.
5. Di atas sebuah meja solek, kelihatan bedak, sebotol minyak wangi, sikat dan lain-lain peralatan solek disusun secara rambang. Gambarkan objek itu dari jarak dekat. Beri penekanan pada cahaya, bentuk dan jalinan.
6. Di sebuah pantai yang indah, kelihatan ramai pelancong yang datang ke situ untuk tujuan berehat dan bersantai. Ada antaranya yang ber mandi manda, bermain dan lain-lain aktiviti. Terdapat juga beberapa buah bot diletakkan di sepanjang pantai. Gambarkan suasana tersebut. Beri penekanan kepada unsur ruang, bentuk dan pencahayaan.

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2

SOALAN 1

Berhampiran tunggul mati dipinggir hutan terdapat seekor ibu ayam sedang mencari makan bersama- sama anaknya. Penekanan dari segi bentuk, jalinan, ruang dan aksi.



- Soalan ini boleh dilukis menggunakan media basah atau media kering
- Subjek utama dilukis dengan jarak dekat
- Penuhi kehendak soalan (seekor ibu ayam dan lebih dari seekor anak ayam)
- Pilih sudut pandangan yang menarik
- Lukis memenuhi keseluruhan kertas lukisan
- Olahan subjek utama dengan lebih detail berbanding latar belakang
- Elakkan menggunakan warna terus dari tiub. Cuba campur warna

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2

SOALAN 2

Seorang penebang pokok sedang bertungkus lumus menebang sebatang pokok yang besar di dalam hutan. Gambarkan situasi ini dalam jarak yang dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan, ruang dan warna.



- Suasana : Di dalam hutan
- Fokus : seorang lelaki sedang beraksi menebang pokok. (jarak dekat)
- Bentuk tambahan : beberapa batang pokok berhampiran atau pokok renek.
- Teknik warna : Watercolor, pensil warna atau pensil (drawing)

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2
SOALAN 3

Beberapa buah kraf tangan melayu tradisional disusun diatas tikar mengkuang. Anda dikehendaki menggambarkan dari satu sudut pandangan yang menarik. Gambarkan dari jarak dekat. Beri penekanan terhadap cahaya, bentuk dan jalinan.



Tips:

- Soalan ini boleh di buat dalam bentuk warna atau hitam putih sebab soalan tidak menyatakan secara jelas
- Subjek utama di lukis dengan jarak dekat
- Pilih sudut yang menarik
- Penuhi kehendak soalan
- Tentukan arah cahaya
- Penuhi semua ruang kertas dengan warna. Jangan biarkan putih tanpa warna
- Olahkan subjek utama dengan lebih detail berbanding latar belakang
- Utamakan jalinan setiap objek
- Elak menggunakan warna terus dari tiub. Cuba buat campuran warna

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2

SOALAN 4

Di dalam mimpi, anda bersama rakan sedang memanjatkan kasut gergasi menggunakan tali kasutnya yang terjantai dari atas meja yang berlaci. Di dalam laci tersebut, terdapat tiga batang pensil dan pemadam di sebelah kasut tersebut. Gambarkan suasana tersebut, dengan memberi penekanan dari segi komposisi, bentuk dan jalinan.



Tips:

- Soalan ini boleh di buat dalam bentuk warna atau hitam putih sebab soalan tidak menyatakan secara jelas
- Subjek utama di lukis dengan jarak dekat
- Pilih sudut yang menarik
- Penuhi kehendak soalan iaitu mesti ada 2 orang, pensil, pemadam meja berlaci
- Tentukan arah cahaya
- Penuhi semua ruang kertas dengan warna. Jangan biarkan putih tanpa warna
- Olah subjek utama dengan lebih detail berbanding latar belakang
- Hasilkan jalinan yang sesuai dengan objek yang dilukis
- Elak menggunakan warna terus dari tiub. Cuba buat campuran warna agar nampak lebih menarik.

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2

SOALAN 5

Di atas sebuah meja solek, kelihatan bedak, sebotol minyak wangi, sikat dan lain-lain peralatan solek disusun secara rambang. Gambarkan objek itu dari jarak dekat. Beri penekanan pada cahaya, bentuk dan jalinan.



Tips:

- Soalan ini boleh di buat dalam bentuk warna atau hitam putih sebab soalan tidak menyatakan secara jelas
- Subjek utama di lukis dengan jarak dekat
- Pilih sudut yang menarik
- Penuhi kehendak soalan
- Tentukan arah cahaya
- Penuhi semua ruang kertas dengan warna. Jangan biarkan putih tanpa warna
- Olah subjek utama dengan lebih detail berbanding latar belakang
- Hasilkan jalinan yang sesuai dengan objek
- Elak menggunakan warna terus dari tiub. Cuba buat campuran warna

PANDUAN MENJAWAB KERTAS 2

SOALAN 6

Di sebuah pantai yang indah, kelihatan ramai pelancong yang datang ke situ untuk tujuan berehat dan bersantai. Ada antaranya yang bermandi manda, bermain dan lain-lain aktiviti. Terdapat juga beberapa buah bot diletakkan di sepanjang pantai. Gambarkan suasana tersebut. Beri penekanan kepada unsur ruang, bentuk dan pencahayaan.



Tips:

- Soalan ini boleh di buat dalam bentuk warna atau hitam putih sebab soalan tidak menyatakan secara jelas
- Pentingkan unsur perspektif(jauh dekat)
- Pilih sudut yang menarik
- Penuhi kehendak soalan
- Penuhi semua ruang kertas dengan warna. Jangan biarkan putih tanpa warna
- Olahkan subjek utama dengan lebih detail berbanding latar belakang
- Elak menggunakan warna terus dari tiub. Cuba buat campuran warna